

Turunkan harga rumah atau k'jaan tarik pengecualian SST

Malaysiakini

24 September 2018

Kerajaan mungkin terpaksa menimbang semula untuk menarik balik pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang dikenakan terhadap bahan binaan dan perkhidmatan pembinaan sekiranya pemaju tidak menurunkan harga rumah.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata di bawah regim Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebelum ini, sektor pembinaan dikenakan cukai enam peratus termasuk menyewa dan bil utiliti dalam sektor komersial dan industri, namun kini semuanya sudah dikecualikan daripada cukai.

“Justeru kita berharap pemaju dapat membalas semula pengecualian SST yang diberikan kerajaan ini dengan mengurangkan harga rumah.

“Jika tidak saya terpaksa untuk menimbang semula pengecualian yang diberikan kerana kita mahu melihat harga rumah turun.

“Saya juga tidak mahu penjimatan yang diraih daripada pengecualian SST ini diterjemahkan kepada penambahan pakej-pakej tertentu di dalam perumahan, sebaliknya saya lihat mahu harga dikurangkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Tahunan Pemaju Hartanah: Siri CEO Institut Persatuan Pemaju Rumah dan Hartanah Malaysia (REHDA) 2018 di Kuala Lumpur.

Antara bahan pembinaan yang tidak dikenakan SST adalah seperti simen, pasir dan juga besi.

Sementara itu, Bernama melaporkan kerajaan mungkin menimbang semula pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) ke atas bahan binaan dan perkhidmatan jika pemaju gagal mengurangkan harga rumah, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata kerajaan telah mengambil langkah positif dengan memberikan pengecualian, dan kini menunggu para penggiat hartanah untuk mengurangkan harga rumah.

"Kami mahu melihat harga diturunkan. Saya tidak berminat untuk melihat pakej tambahan, ini tidak bermakna," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Tahunan Pemaju Perumahan Siri CEO Institut Rehda 2018 di Kuala Lumpur hari ini.

Dianjurkan oleh Institut Rehda, acara sehari itu menyaksikan peserta membincangkan idea-idea baharu untuk merangsang dan membangunkan

semula ekonomi Malaysia, dengan pemimpin pelbagai industri memberi input kepada kerajaan sebelum Bajet 2019 akan datang, selain mengkaji penyelesaian baharu dalam menangani isu hartanah tidak terjual.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (Rehda) Datuk Soam Heng Choon berkata persatuan itu mengakui bahawa pemansuhan Cukai Barang dan Perkhidmatan dan pengecualian SST terhadap bahan binaan dan perkhidmatan menyediakan enam peratus penjimatan langsung kepada pengguna.

Beliau berkata Rehda kini menjalankan kajian mengenai kemungkinan mengurangkan harga rumah, dengan laporan itu dijangka dibentangkan tidak lama lagi.

Dalam perkembangan lain, Lim berkata kerajaan menilai struktur bayaran levi bagi lanjutan permit pekerja asing sementara bagi pekerja yang mempunyai pengalaman bekerja lebih 10 tahun di negara ini untuk mengurangkan beban pekerja.

Beliau berkata menerusi struktur baharu, majikan hanya akan membayar 20 peratus daripada levi tahunan sebanyak RM10,000 untuk membaharu permit manakala selebihnya akan ditanggung oleh pekerja.

Sebelum ini, Lim berkata majikan perlu membayar jumlah penuh, sambil menambah bahawa langkah itu adalah untuk menggalakkan pekerja mengekalkan pekerja yang sudah memiliki pengalaman 10 tahun yang sudah dianggap sebagai pekerja mahir.

"Tidak berbaloi untuk menghantar pulang pekerja terlatih dan mengupah pekerja asing yang tidak berpengalaman," katanya.

Sementara itu Lim berkata kerajaan menentang pembangunan hartanah perbandaran semata-mata untuk warga asing.

"Kerajaan tidak akan menerima pembangunan hartanah atau perbandaran semata-mata untuk warga asing," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/444410>